

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan kita (Leonard Bloomfield, 1994:3). Mengikut Kamus Linguistik, bahasa ialah sistem lambang yang arbitrer yang digunakan oleh suatu masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan mengidentifikasi diri (Harimurti Kridalaksana, 1983:17). Menurut Awang Sariyan (1979), bahasa ialah alat komunikasi. Manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi antara satu sama lain, untuk melahirkan reaksi peribadi terhadap situasi-situasi, merangsangkan tindak balas dalam pertuturan seseorang dan juga untuk menganalisis serta mentafsir sesuatu dalam bentuk pertuturan .


Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Di samping bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa lain juga dipertuturkan. Bahasa Cina ialah salah satu bahasa yang digunakan di Malaysia. Bahasa Cina mencatat lebih kurang 6000 tahun sejarahnya (Hu Yongxiu 胡永修, Gou Jianli 谷建丽, Deng Qinrong 邓琴容, 1990:4). Dalam perkembangan sejarah yang begitu lama, bahasa ini telah mencapai keunggulan dan kejayaan. Penggunaannya tidak terbatas oleh masa malah berterusan sehingga masa kini. Bahasa Cina merupakan salah satu bahasa yang unik daripada kumpulan bahasa-bahasa. Bahasa ini berbeza dengan bahasa-bahasa lain. Bahasa Cina yang juga dikenali sebagai bahasa Han merupakan bahasa yang mempunyai sistem tulisan ideogram, iaitu lambang tulisan yang menyampaikan sesuatu makna. Manakala bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sistem tulisannya terdiri daripada abjad yang menunjukkan sebutan bahasa tersebut iaitu bahasa tulisan berabjad. Jadi, boleh

dikatakan bahawa pembentukan huruf bahasa Cina adalah berbeza dengan bahasa lain secara keseluruhan.

Manusia yang ingin menjelaskan buah fikiran dan bertukar-tukar pandangan harus menggunakan perkataan dan frasa untuk membina satu ayat untuk menjelaskan sesuatu makna dengan sempurna. Namun jika hanya bergantung kepada perkataan dan frasa, maksud yang ingin disampaikan tidak tercapai. Mengikut sarjana linguistik yang bernama Fan Xiao 范晓 (1998:1), untuk membina satu ayat yang sempurna dan lengkap, tatabahasa memainkan peranan yang utama. Tugas utama tatabahasa adalah untuk menjelajah prinsip binaan ayat dan penggunaan ayat. Tatabahasa ialah peraturan pembentukan bahasa. Bahasa yang berfungsi sebagai pengantar maklumat dan penukar pandangan harus terdiri daripada unit bahasa yang konkrit dan untuk membentuk ayat yang dapat menjelaskan buah fikiran. (Quan Guo Wai Yuyuan Xi “Yufa yu Xiuci” bianxiezu 全国外语院系《语法与修辞》编写组, 1987:3).

Tatabahasa ialah teori tentang peraturan yang menghuraikan ayat-ayat dalam sesuatu bahasa dengan kaedah yang paling mudah, tepat dan lengkap (Nik Safiah Karim, 1993:413). Walau bagaimanapun, setiap bahasa mempunyai tatabahasanya dan setiap tatabahasa mempunyai prinsip pembentukannya tersendiri. Tatabahasa bahasa Cina seperti bahasa lain boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu morfologi dan sintaksis. Morfologi membincangkan morfem dan kata manakala sintaksis membincangkan frasa, ayat dan kumpulan ayat (Zhong Yuanzhong 张元忠 dan Yang Meifang 杨梅芳, 1996 :117).

Tatabahasa Bahasa Cina



Rajah 1.1 Pembahagian Tatabahasa Bahasa Cina

Rajah 1.1 menunjukkan pembahagian tatabahasa bahasa Cina. Mengikut struktur pembentukan ayat, ayat boleh dibahagikan kepada ayat tunggal dan ayat majmuk. Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan terhadap penggunaan ayat majmuk dalam editorial akhbar *Sin Chew Daily* (sebelum tahun 2003 dikenali *Sin Chew Jit Poh*).

1.2 Pernyataan Masalah

Surat khabar memainkan peranan penting sebagai alat pengantar maklumat dan ilmu pengetahuan. Maklumat dan ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan jelas dan tepat jika penggunaan bahasanya betul.

Menurut Mustaffa Suhaimi (1996:58), bahasa akhbar berbeza dengan bahasa sastera. Ahli sastera menggunakan gaya bahasa yang indah untuk menghasilkan karyanya. Tetapi pengarang akhbar menggunakan bahasa untuk menjelaskan sesuatu menurut cara yang paling mudah diterima sesuai mengikut selera sebilangan besar pembaca akhbarnya. Maka peranan akhbar yang utama adalah untuk menjelaskan

sesuatu dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa penulis boleh menulis dengan sewenang-wenangnya, terutamanya dari segi aspek tatabahasa.

“... jika kita tugaskan bahasa sebagai alat berkomunikasi, kita mesti juga mematuhi beberapa syarat lain, syarat yang dikenali sebagai tatabahasa. Tatabahasa dicipta khusus untuk membolehkan kita menggunakan isyarat-isyarat tertentu sebagai alat komunikasi dan semakin kompleks bahasa yang digunakan semakin pengawal penggunaan bahasa itu.”

(Hasnah Ibrahim, 1987:27)

Menurut Hasnah Ibrahim, setiap bakal penulis mesti memastikan bahawa dia mengetahui tatabahasa mana-mana bahasa yang ingin digunakan untuk berkomunikasi. Sekiranya tidak berbuat demikian, tulisannya boleh disalahertikan dan disalahartanggap.

Ayat majmuk merupakan salah satu jenis pola ayat yang digunakan oleh penulis editorial akhbar. Namun bukan semua penulis menggunakan ayat majmuk dengan bijak. Golongan yang terbabit dalam penerbitan media cetak berpegang kepada prinsip bahawa ayat di dalam media cetak mestilah ringkas dan padat kerana hambatan faktor ruangan dan masa. Dalam erti kata lain, mereka berpegang kepada pendapat bahawa kadang-kadang disebabkan faktor ruang, penulis terpaksa melanggar hukum tatabahasa. Menurut Rosnah A. Majid (1986), masalah tersebut bukanlah disengajakan atau kerana pegangan tidak memahami tatabahasa. Sebenarnya keadaan tersebut mengikut beliau adalah tidak dapat dielakkan.

Justeru itu, ada ahli bahasa yang menegaskan bahawa jika terdapat kesalahan tatabahasa dalam media massa, pelajar-pelajar akan terikut-ikut dengan kesalahan-kesalahan tersebut kerana mereka menyangka bahawa semua yang dicetak dan disiarkan melalui media massa itu adalah betul (Abdul Hamid Mahmood, 1987: 486). Farid M.

Onn (1979:35) berpendapat bahawa kesan buruk bahasa surat khabar telah menular di kalangan pelajar melalui karangan mereka. Maka adalah wajib untuk memperbaiki fenomena sedemikian.

1.3 Objektif Kajian

Minat pengkaji dan kekosongan kajian terhadap penggunaan ayat majmuk dalam editorial bagi surat khabar Cina tempatan telah mendorong kajian ini dilakukan.

Jadi, kajian ini bertujuan menerapkan pengetahuan tatabahasa iaitu yang berhubung dengan ayat majmuk terhadap penelitian editorial dalam akhbar Cina iaitu, *Sin Chew Daily*. Kajian ini akan cuba membicarakan pengertian dan penjenisian ayat majmuk berdasarkan perkembangan kajian tatabahasa bahasa Cina setakat ini dan seterusnya membuat analisis terhadap jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam editorial *Sin Chew Daily*.

Penulis pada zaman moden yang ingin berkomunikasi melalui penulisan mesti menghasilkan tulisan yang sempurna dari segi tatabahasa, padat, kemas, mudah dibaca dan difahami serta berisi. Seseorang penulis boleh menghasilkan tulisan yang sempurna dari segi bahasa jika ia mematuhi tatabahasa. Pengetahuan tatabahasa dapat dipatuhi jika seseorang itu ada pengetahuan asas tentang tatabahasa. Jika seseorang itu sudah menguasai bahasa yang digunakannya, maka seseorang itu perlu mematuhiinya. Ia tidak akan keberatan mematuhi tatabahasa jika ia sedar akan peranan tatabahasa dalam proses berkomunikasi (Hasnah Ibrahim, 1982:15).

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menjawab soalan:

1. Apakah jenis ayat majmuk yang mempunyai kekerapan yang paling tinggi digunakan oleh penulis dalam editorial *Sin Chew Daily*?
2. Adakah kesalahan bahasa khususnya tentang ayat majmuk wujud dalam editorial *Sin Chew Daily*?

Pengkaji memilih aspek penggunaan ayat majmuk dalam editorial ini kerana analisis ini akan dapat memberikan sumbangan dalam usaha untuk memahami kepentingan ayat majmuk dan meninjau kesilapan penggunaan ayat majmuk. Hasil kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan dalam usaha menarik perhatian penulis ruangan editorial dengan harapan dapat mengukuhkan penggunaan pola ayat majmuk dalam penulisan surat khabar. Di samping itu, usaha ini juga bersesuaian dengan perkembangan penggunaan surat khabar di dalam bilik darjah. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran kepada guru-guru (khasnya guru bahasa Cina) dan para pelajar tentang ayat majmuk dalam surat akhbar. Dengan adanya pengetahuan tentang penggunaan ayat majmuk, maka mereka dapat mengesan kelemahan-kelemahan penggunaan ayat majmuk yang terdapat dalam penulisan surat khabar agar mereka lebih berhati-hati apabila menggunakan petikan atau membaca surat khabar supaya tidak menganggap penggunaan ayat dalam surat khabar tiada cacat celanya dan boleh digunakan sebagai panduan mutlak. Dengan itu, juga diharapkan agar pihak penerbit akhbar akan lebih berhati-hati terhadap penggunaan ayat mereka kerana kesalahan tatabahasa tersebut memberikan kesan yang kurang baik terhadap para pelajar yang lazimnya memang digalakkan agar membaca akhbar dalam proses pembelajaran mereka.

1.4 Bidang Dan Batasan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis ayat majmuk yang digunakan oleh penulis editorial dalam akhbar Cina tempatan, iaitu *Sin Chew Daily*. Sebenarnya demi kesempurnaan kajian, seluruh penulisan dalam surat akhbar tersebut perlu diambil sebagai kajian. Namun kerana hal itu adalah di luar kemampuan penyelidikan ini, bahan kajian dihadkan kepada skop yang lebih kecil. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai batasan tertentu seperti berikut:

Kajian ini menggunakan sampel yang terbatas, iaitu ayat-ayat majmuk yang terkandung dalam 20 teks editorial yang dipilih secara rawak daripada surat akhbar *Sin Chew Daily* (bulan Mac hingga bulan Mei).

Kajian ini ditumpukan kepada bidang sintaksis sahaja. Beberapa aspek sampingan lain seperti fonologi, filologi, leksikologi, retorik dan semantik tidak akan disentuh.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ke atas penggunaan ayat majmuk dalam surat akhbar adalah penting kerana surat khabar merupakan agen pembinaan dan perkembangan bahasa yang paling meluas dan berkesan kerana penyebarannya yang merata dalam masyarakat (Awang Sariyan, 1987:430), apatah lagi *Sin Chew Daily* ialah surat khabar Cina tempatan yang paling laris (*Sin Chew Jit Poh*, 13 September, 2000). Tambahan pula, ahli bahasa berpendapat bahawa penggunaan bahasa dalam media cetak mestilah mengikut hukum tatabahasa memandangkan pengaruhnya yang besar terhadap masyarakat, khususnya kepada para pelajar yang ingin dididik tentang cara-cara menggunakan jalan bahasa

yang betul kerana para pelajar mudah terpengaruh oleh bahasa yang digunakan dalam media ini (Awang Sariyan, 1987:430).

Editorial, yang disebut juga rencana pengarang ialah suatu bentuk penulisan atau karangan yang amat bernilai dalam surat khabar dan kerana itulah, aspek ini jarang ditinggalkan dalam kebanyakan surat khabar pada hari ini. Buah fikiran, ulasan atau teguran yang disiarkan dalam ruangan rencana pengarang adalah rasmi dan penerbit akhbar itu perlu bertanggungjawab bagi pihak dirinya sendiri atau kepentingan pihak lain yang diwakilinya. Isi rencana pengarang tidak semestinya merupakan fikiran pembaca umum atau disetujui oleh sebahagian besar pembacanya. Akhbar mempunyai penulis-penulis khas dan ada pula yang dilantik menjadi panel penulis bagi memikirkan isi rencana pengarang sebelum isi rencana pengarang ditulis (Mustaffa Suhaimi, 1986:145). Walaupun mempunyai isi yang sesuai untuk dibentangkan, maklumat betul dan tepat tidak dapat disampaikan sekiranya penulis tidak tahu menggunakan tatabahasa yang betul dan tepat.

Mengikut Mustaffa Suhaimi (1986:136), sebuah rencana pengarang mengandungi ciri-ciri seperti berikut:

1. Rencana adalah suatu bentuk tulisan yang biasanya lebih panjang dan terperinci daripada berita, mengandungi buah fikiran, ulasan, huraihan atau penceritaan yang biasanya berdasarkan peristiwa benar.
2. Peranan rencana adalah memberikan gambaran atau maklumat secara terperinci, menganalisa atau mengulas sesuatu perkembangan atau peristiwa semasa, atau yang sudah lama berlalu.

3. Rencana lebih banyak memusatkan jawapan kepada pertanyaan “bagaimana” dan “mengapa” .

4. Rencana bukan hanya menjelaskan apa yang telah atau sedang berlaku, bahkan kadang-kadang cuba meramal atau menduga “apa yang mungkin berlaku” .

1.6 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, konsep-konsep yang digunakan adalah seperti berikut:

I. Ayat Tunggal

Ayat tunggal ialah ayat yang terdiri daripada perkataan atau frasa mengikut hukum tatabahasa bahasa Cina (Xu Qing 徐青, 1997:294). Mengikut struktur pembentukan, ayat tunggal biasanya boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ayat tunggal yang mengandungi satu subjek dan satu prediket sahaja. Selain itu, terdapat juga ayat tunggal yang tidak mempunyai subjek (Luo Huayan 罗华炎, 1998 : 265).

Contoh 1.1:

(a) 伯伯送我一支笔。 (Xu Qing 徐青, 1997:297)

Bóbo sòng wǒ yì zhī bì.

[Bapa saudara] [menghadiah] [saya] [satu] [batang] [pen].

(Bapa saudara menghadiah saya sebatang pen.)
S P

(b) 坐下！ (Xu Qing 徐青, 1997:303)

Zuò xià!

[Duduk] !

(Duduk !)

(Contoh 1.1, sambungan)

Petunjuk:

S: Subjek atau tanda _____

P: Prediket atau tanda _____

[]: penterjemahan terus daripada kata tanpa menghiraukan struktur ayat.

(): penterjemahan mengikut struktur ayat.

Contoh 1.1(a) merupakan ayat tunggal yang mengandungi satu subjek dan satu prediket manakala contoh 1.1 (b) merupakan ayat tunggal yang hanya mempunyai prediket sahaja.

II. Ayat Majmuk

Ayat majmuk bahasa Cina ialah ayat yang dibina daripada dua atau lebih klausa bebas (Xu Qing 徐青, 1997: 365). Perlu ditekankan bahawa struktur pembentukan ayat majmuk bahasa Cina adalah berbeza dengan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Contoh 1.2:

- (a) 武汉很热, 长沙也很热。 (Xing Fuyi 刑福义, 1998:301)
Wūhàn hěn rè, Chángshā yě hěn rè.
[Wuhan] [sangat] [panas], [Changsha] [juga] [sangat] [panas].
(Wuhan sangat panas , Changsha juga sangat panas.)
- (b) 武汉和长沙都很热。 (Xing Fuyi 刑福义, 1998:301)
Wūhàn hé Chángshā dōu hěn rè.
[Wuhan] [dan] [Changsha][semua] [sangat] [panas].
(Kedua-dua Wuhan dan Changsha sangat panas.)

Contoh 1.2 (a) adalah ayat majmuk manakala contoh 1.2 (b) ialah ayat tunggal (Xing Fuyi, 1998:301).

(Contoh 1.2, sambungan)

武汉 | 很热, 长沙 | 也很热。

(klausa 1) (klausa 2)

Wūhàn | hěn rè, Chángshā | yě hěn rè.

[Wuhan] [sangat] [panas], [Changsha] [juga] [sangat] [panas].

Jelasnya, ayat ini terdiri daripada dua klausa yang masing-masing mempunyai subjek dan prediket.

武汉 和 长沙 | 都 很 热。

Wūhàn hé Chángshā | dōu hěn rè.

[Wuhan] [dan] [Changsha] [semua][sangat] [panas].

Petunjuk:

S: Subjek atau tanda _____

P: Prediket atau tanda _____

[]: penterjemahan terus daripada kata tanpa menghirau struktur ayat.

(): penterjemahan mengikut struktur ayat.

Ayat di atas merupakan ayat tunggal dan bukan ayat majmuk kerana struktur pembentukannya ialah satu subjek dan satu predikat yang menghasilkan satu ayat tunggal.

III. Ayat Majmuk Ringkas

Ayat majmuk ringkas ialah ayat majmuk yang mana pembentukan struktur antara klausa-klausa hanya mempunyai satu lapis sahaja (Fan Xiao 范晓, 1998: 365). Ayat majmuk ini boleh dikategorikan kepada sepuluh jenis, iaitu jenis setara, pilihan, berterusan, menaik, peralihan, anggapan, syarat, sebab akibat, bertujuan dan keterangan. Untuk keterangan lanjutan dan

.contoh-contoh sepuluh jenis ayat majmuk tersebut, sila rujuk ke halaman 28-32.

Contoh 1.3

(1) 小松收入微薄, | (2) 但是, 为人大方。 (Xing Fuyi 刑福义, 1998:304)

(1) *Xiǎo Sōng shōurù wēibó*, |(2) *dànsì, wéirén dàfang*.

(1) [Xiao Song][pendapatan][tidak seberapa], | (2) [tetapi], [orangnya] [tidak kedekut].

(1) *Pendapatan Xiao Song tidak seberapa, | (2) tetapi dia tidak kedekut.*)

(1)

(2)



IV. Ayat Majmuk Kompleks

Ayat majmuk yang mempunyai tiga buah klausa atau lebih. Dengan kata lain, ayat majmuk ini juga mempunyai dua lapis atau lebih (Fan Xiao 范晓, 1998: 365). Ayat majmuk kompleks dapat dikategorikan kepada jenis dua lapis, tiga lapis, empat lapis, lima lapis dan seterusnya bergantung kepada bilangan lapisan yang ada dalam ayat majmuk itu. Untuk keterangan lanjutan dan pelbagai jenis ayat majmuk kompleks berkenaan, sila rujuk ke halaman 32-35.

Contoh 1.4: (dua lapis)


(1) 小松收入微薄, |(2)而且家庭负担很重, |(3)但是, 为人大方, |(4)经常帮助比他更困难的朋友。 (Xing Fuyi 刑福义, 1998:304)

(1) *Xiǎo Sōng shōurù wēibó*, |(2) *érqìe jiātíng fùdān hěn zhòng*, |(3) *dànsì*, |(4) *wéirén dàfang, shícháng bāngzhù bǐ tā gèng kùnkǔ de rén*.

(1) [Xiao Song] [pendapatan] [tidak seberapa], |(2) [malah] [keluarga] [beban] [sangat] [berat], |(3) [tetapi], [orangnya] [tidak kedekut], |(4) [selalu] [membantu] [banding] [dia] [lebih] [susah] [punya] [kawan].

. (Contoh 1.4, sambungan)

((1) Pendapatan Xiao Song tidak seberapa, ||(2) malah mempunyai beban keluarga yang sangat berat, | (3) tetapi dia tidak kedekut, ||(4) sebaliknya selalu membantu kawan yang lebih susah daripadanya.)



V. Kata Hubung

Kata hubung ialah bahagian penting dalam pembentukan ayat majmuk.

Kata hubung bertugas menghubungkan klausa-klausa, dan menunjukkan jenis hubungan antara klausa-klausa dalam ayat majmuk (Quan Guo Wai Yuyuan Xi “Yufa yu Xiuci” bianxiezu 全国外语院系《语法与修辞》编写组, 1987: 183). Untuk contoh-contoh kata hubung dalam pelbagai jenis ayat majmuk sila rujuk jadual 2.3, halaman 43-44.

VI. Kesalahan Bahasa

Kesalahan bahasa di sini hanya merujuk kepada pelanggaran peraturan tatabahasa dalam ayat majmuk. Terdapat tiga jenis kesalahan bahasa dalam ayat majmuk, iaitu kekurangan hubungan erat antara klausa, kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat, dan kesalahan penggunaan kata hubung. Sila rujuk ke halaman 65-70 untuk penjelasan yang lebih terperinci.